

UMS bantu kementerian jayakan projek rumpai laut

UB 17/6/2011 X5

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi dalam membantu perkembangan industri rumpai laut negeri apabila terlibat sebagai perunding, pembekal teknologi dan pemilik bersama Projek Pengkulturan dan Estet Mini Rumpai Laut di Semporna di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Naib Canselornya, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata selain memberi manfaat yang signifikan kepada UMS sendiri, projek ini amat penting kepada penduduk Sabah terutamanya di kawasan terlibat sekali gus menyumbang kepada

pendapatan negara.

"Melalui projek ini, UMS bersama-sama beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan akan dapat membantu meningkatkan pengeluaran rumpai laut kering dari 100,000 hingga 150,000 tan metrik yang dianggarkan bernilai RM1 bilion menjelang 2020 melalui industri huluan dan hiliran.

"Sementara itu, melalui pelaksanaan projek ini juga kita dapat mewujudkan sekurang-kurangnya 5,000 peluang pekerjaan menjelang 2020," katanya ketika berucap di Majlis Penyerahan Surat Tawaran kepada Peneraju Projek Pengkulturan dan Estet Mini Rumpai Laut di Semporna, di Bangunan Yayasan UMS, kelmarin.

Enam syarikat pertama dari

15 syarikat yang disasarkan akan terlibat menerima surat tawaran mereka kelmarin iaitu Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan), VCUnited Sdn Bhd, Koperasi Belia Kg Look Butun, Madesjaya Sdn Bhd, Sebangkat Reef Eco-Plant dan UMSLink Holding Sdn Bhd.

Mengenai manfaat projek ini, Kamaruzaman berkata pelaksanaan projek terbabit akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk yang terlibat daripada kira-kira RM500 kepada RM2,000 sebulan bagi setiap hektar (ha) yang membolehkan mereka keluar dari kekangan kemiskinan.

"Bagi penyelidik UMS dan penyelidik lain pula, ianya memberi dan membuka peluang dalam penyelidikan

berterusan melibatkan bidang sains dan teknologi, ekonomi, sosiologi dan kemanusiaan.

"Manakala bagi pihak industri, projek ini memberikan banyak peluang perniagaan melalui pengeluaran pelbagai produk berdasarkan rumpai laut. Tambahanpula, terdapat pihak bank yang sedia memberikan kemudahan pinjaman kepada mereka yang berminat untuk menjadi usahawan produk rumpai laut," katanya.

Menurutnya lagi, industri rumpai laut telah wujud di negeri ini sejak 1977 dan kerajaan telah mengenalpasti sektor ini mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

"Inikeranakan kawasan perairan Sabah yang dilihat amat sesuai serta kawasannya yang luas

iaitu sekitar 20,000-30,000 ha disamping penanaman rumpai laut berkeluasan lebih kurang 8,000 ha yang sedia ada.

"Dalam tempoh jangka panjang, Sabah boleh memainkan peranan penting dalam industri ini di peringkat serantau mahupun dengan kapasiti pengeluaran antara 100,000-150,000 metrik tan kering setahun.

"Oleh demikian, satu pasukan pengurusan yang terdiri dari Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Perikanan Malaysia, pejabat-pejabat daerah, persatuan-persatuan nelayan, UMS, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, semua kementerian dan agensi yang berkaitan sangat diperlukan bagi menjayakan misi dan visi ETP kerajaan," katanya.